



Ruj. Kami :KPM.200-5/2/1 JLD. 6 ( 80 )

Tarikh : 26 Mac 2026

**Pengarah Pendidikan**  
**Semua Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN BERHUBUNG PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI MENJAGA KEBAJIKAN, KESIHATAN DAN KESELAMATAN MURID SERTA WARGA SEKOLAH SEMASA MENGHADAPI CUACA PANAS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan (KPM) memandang serius berhubung penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid khususnya semasa menghadapi cuaca panas atau sebarang cuaca di luar jangkaan. Peringatan ini amat penting kerana ia melibatkan keselamatan dan kesejahteraan warga sekolah terutama murid-murid sekolah.

3. Berdasarkan Laman Sesawang METMalaysia, gelombang haba adalah satu tempoh dengan suhu tinggi yang luar biasa, melebihi suhu maksima purata harian dan keadaan cuaca yang agak panas, kelazimannya berlarutan hingga beberapa hari atau beberapa minggu. Terdapat empat (4) peringkat di dalam pemantauan gelombang haba yang melibatkan suhu maksima harian di Malaysia yang dibangunkan oleh METMalaysia iaitu:

Tahap/ Kategori	Status	Kriteria	Huraian
0	Normal	Suhu maksimum harian kurang daripada 35.0°C	Suhu normal dan selamat
1	Berjaga-jaga	Suhu maksimum harian 35.0°C hingga 37.0°C sekurang-kurangnya tiga (3) hari berturut-turut	Berjaga-jaga
2	Gelombang Haba	Suhu maksimum harian 37.0°C hingga 40.0°C sekurang-kurangnya tiga (3) hari berturut-turut	Gelombang haba
3	Gelombang Haba Ekstrem	Suhu maksimum harian melebihi 40.0°C sekurang-kurangnya tiga (3) hari berturut-turut	Kecemasan

4. Sehubungan dengan itu, pentadbir sekolah diminta sentiasa peka dan menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid serta warga sekolah dalam menghadapi cuaca panas kerana ianya boleh melibatkan keselamatan nyawa, harta benda dan kesejahteraan murid serta warga sekolah seperti yang diperincikan dalam surat siaran dan garis panduan yang berikut:

- 4.1 Surat dari Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah) iaitu Peringatan Berhubung Pengoperasian Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas bertarikh 13 Februari 2025;
- 4.2 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2024: Ketetapan Pemakaian Pakaian Seragam Oleh Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Kalendar Akademik Sesi 2024/2025 bertarikh 29 Januari 2024;
- 4.3 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023: Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas bertarikh 6 Jun 2023;
- 4.4 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023: Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas bertarikh 28 April 2023;
- 4.5 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019: Langkah-langkah kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menjamin Kesihatan dan Keselamatan Murid-murid di Sekolah-Sekolah Yang Berada Dalam Kawasan Berjerebu Yang Dianggap Kritikal bertarikh 15 Januari 2019; dan
- 4.6 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016: Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana bertarikh 21 Julai 2016.

5. Pihak sekolah dan ibu bapa juga digesa untuk mengambil langkah penjagaan diri tambahan berikut bagi mengelakkan strok haba:

- 5.1 **Kekalkan Hidrasi:** Pastikan pengambilan air minum yang secukupnya sebelum, semasa, dan selepas sebarang aktiviti dengan banyakkann meminum air kosong;

- 5.2 **Kurangkan Aktiviti Lasak:** Hadkan aktiviti fizikal yang boleh meningkatkan kadar pernafasan dan metabolisme badan di kawasan terbuka;
- 5.3 **Perlindungan Diri:** Sentiasa berlindung di kawasan teduh, gunakan payung atau topi pelindung apabila berada di luar bangunan, serta berehat dengan lebih kerap; dan
- 5.4 **Pemakaian Sesuai:** Pakai pakaian yang ringan, berwarna cerah, dan tidak ketat bagi membenarkan penyejatan peluh yang baik dari permukaan kulit.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengingatkan pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, serta pengetua dan guru besar agar sentiasa cakna demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan warga sekolah. Surat pemakluman ini terpakai pada setiap kali situasi yang sama berlaku sehingga surat pemakluman baharu dikeluarkan. Pihak sekolah juga boleh mendapatkan maklumat lanjut dan status cuaca panas terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman sesawang <https://www.met.gov.my/iklim/status-cuaca-panas/>.


Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)**

- s.k.: 1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan

4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan
6. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
7. Pengarah  
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
8. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam
9. Pengarah  
Bahagian Sekolah Berasrama Penuh
10. Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
11. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas
12. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Swasta